

18 MAR 1998

DR M AKAN BERUCAP MENGENAI PROSPEK ASIA DI JERMAN

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap mengenai cabaran masa depan Asia Tenggara dan peluang-peluang selepas krisis ekonomi di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di sini, esok.

Penyusutan nilai mata wang negara-negara Asia Tenggara dan kejatuhan teruk nilai saham telah menarik perhatian kalangan masyarakat perniagaan Jerman.

Pelbagai aturcara menunggu Dr Mahathir yang akan tiba di sini bagi lawatan rasmi tiga hari bermula esok.

Semasa lawatan beliau ke sini, khususnya bagi memperkenalkan Koridor Raya Multimedia, beliau juga dijangka bertemu Canselor Jerman, Helmut Kohl. Pertemuan mereka esok dijangka bertumpu pada usaha-usaha meningkatkan hubungan dua hala.

Kedua-dua pemimpin itu mungkin juga membincangkan mengenai mesyuarat Asia-Eropah di London pada 3 dan 4 April ini.

Dr Mahathir yang akan diiringi oleh Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Othman Yeop Abdullah dan Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat, Datuk Tengku Mohd Azzman Shariffaddeen, juga akan bertemu 30 tokoh multimedia dan teknologi maklumat di Pameran Perdagangan Antarabangsa Cebit'98 mengenai IT dan telekomunikasi.

Cebit'98 dianggap sebagai antara pameran perdagangan terbesar di dunia yang akan diadakan di Hannover dari Jumaat ini hingga 25 Mac.

Dr Mahathir dijangka akan melawat Cebit'98. Ia telah menarik penyertaan syarikat-syarikat IT dan telekomunikasi dari lebih 60 negara. Sebanyak 12 syarikat dari Malaysia mengambil bahagian pada Cebit'98. -- BERNAMA

SHY PR